

12 JAN 1999

Umno-Kelantan

UMNO KELANTAN DIJANGKA BINCANG PERSIAPAN PILIHAN RAYA

KOTA BAHARU, 12 Jan (Bernama) -- Umno Kelantan dijangka membincangkan persiapan menghadapi pilihan raya pada mesyuarat yang akan dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini Khamis ini.

Mesyuarat itu diadakan dalam rangka lawatan kerja sehari Perdana Menteri ke Kelantan.

Ketua Penerangan Umno Kelantan Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir berkata pemimpin Umno negeri juga menjangkakan Dr Mahathir akan menerangkan mengenai keadaan politik dan ekonomi semasa.

"Menjadi tradisi bahawa setiap bulan puasa, Dr Mahathir sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri akan melawat Kelantan," katanya mengenai lawatan Perdana Menteri itu.

Kelantan merupakan negeri pertama yang akan dikunjungi Dr Mahathir selepas beliau mengumumkan hasratnya untuk melawat ke negeri-negeri berikutan rombakan Kabinet, Jumaat lepas.

Zainal Abidin berkata Umno Kelantan telah bersedia menghadapi pilihan raya umum.

Majlis Tertinggi Umno membuat keputusan menangguhkan pemilihan parti bagi menumpukan perhatian kepada persiapan pilihan raya umum.

"Saya sentiasa optimis bahawa Umno boleh menang di Kelantan jika Umno hendak menang," katanya.

Mengenai kedudukan bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah, beliau berkata Ketua Umno Bahagian Gua Musang itu masih mempunyai peranan untuk membantu parti dalam pilihan raya akan datang.

Sebelum pengumuman mengenai rombakan Kabinet itu, Tengku Razaleigh merupakan antara mereka yang disebut-sebut untuk mengisi jawatan Timbalan Perdana Menteri, selain dua naib presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Ramai rakyat Kelantan mahu Tengku Razaleigh menumpukan kepada Kelantan untuk menolong UMNO dalam pilihan raya itu," kata Zainal Abidin.

Menurutnya, pengalaman luas Razaleigh akan dapat membantu menyusun strategi menentang Pas, yang menerajui kerajaan negeri ini.

-- BERNAMA

AZZ MAI